

Aktiviti

1. Baca urutan peristiwa di bawah dengan teliti
2. Murid perlu **melengkapkan** setiap rangkap pantun dengan ayat yang menarik
3. Bagi peristiwa 3 & 4, murid perlu **selitkan** perkataan yang **digariskan** dalam rangkap pantun

Muaz dan Ravin lalu di hadapan rumah Pak Samad. Mereka menyapa Pak Samad yang sedang mengopek kelapa. Muaz melihat banyak sabut kelapa yang dibuang begitu sahaja oleh Pak Samad. Muaz bercadang untuk menggunakan sabut kelapa yang dibuang itu semula	Tatkala melihat sabut kelapa, Sedih membuang begitu sahaja, a a a a
Muaz mendapat idea. Dia mencadangkan agar mereka berdua mencipta sesuatu menggunakan sabut kelapa itu sebagai bahan utama. Hal ini dikatakan demikian kerana sabut kelapa mudah didapati dan tahan lasak.	a b Sabut kelapa mudah dicari, Tahan lasak kekuatan sifatnya. a b
Mereka mencipta karpét kereta menggunakan sabut kelapa sebagai salah satu bahan utama. Setelah mengikut langkah-langkah penghasilan karpét sabut kelapa, akhirnya terciptalah produk inovasi mereka. Karpét yang dihasilkan sungguh menarik.	
Muaz dan Ravin menyertai pertandingan inovasi yang bertempatkan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor. Produk inovasi mereka yang unik dan berkualiti itu berjaya memikat hati para juri. Mereka telah dinobatkan sebagai johan pertandingan tersebut. Mereka sangat gembira.	